

Pemilik kad kredit gagal jelas tunggakan RM21.6b

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 19 Feb. – Pemilik kad kredit di negara ini gagal menjelaskan tunggakan pinjaman yang mencecah RM21.6 bilion sehingga September tahun lepas.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal berkata, daripada keseluruhan jumlah itu, sebanyak RM591 juta adalah pinjaman tidak berbayar (NPL).

“Walaupun jumlah NPL ini hanya 2.7 peratus daripada keseluruhan jumlah hutang kad kredit yang tertunggak, namun langkah proaktif perlu diambil untuk mengelakkan ia daripada terus meningkat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap

melancarkan laman web Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha kementerian, Dr. Muzahet Masruri.

AKPK berperanan memberikan khidmat nasihat kepada orang ramai yang berdepan dengan masalah hutang institusi kewangan dan nasihat menerusi Internet boleh didapati melalui laman web www.akpk.org.my.

Menurut Mohd. Shafie, sehingga Disember 2006, sebanyak 8.8 juta kad kredit dikeluarkan oleh institusi kewangan di seluruh negara.

Beliau berkata, masalah tunggakan pinjaman kad kredit itu boleh diatasi sekiranya pengguna bijak menguruskan kewangan dengan membayar sebelum tempoh

Pengguna juga seeloknya membuat pembayaran melebihi had minimum pada setiap bulan dan membayar tepat pada masa ditetapkan

matang untuk mengelak dikenakan caj lewat bayar.

“Pengguna juga seeloknya membuat pembayaran melebihi had minimum pada setiap bulan dan membayar tepat pada masa ditetapkan,” katanya.

Mengenai AKPK, beliau berkata, sejak

penubuhannya pada April 2006, lebih 26,000 pelanggan telah menerima perkhidmatan kaunseling yang disediakan secara percuma.

“Daripada jumlah ini, seramai 9,000 individu telah dibantu di bawah program pengurusan kredit,” jelasnya.



MOHD. SHAFIE APDAL
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna

RM2 juta bantu pereka animasi